



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200

Laman Web:

<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

PERINGATAN PERTAMA

Ruj. Kami : JANMSEL.A.400-1/3/12-2 (27)
Tarikh : **19** Disember 2023

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN NOVEMBER 2023

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2023** telah menggariskan **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan akaun deposit Kerajaan Persekutuan** bagi memastikan pengurusan akaun deposit kerajaan diperakakan dengan betul dan tepat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Terimaan** adalah seperti pada **Lampiran A, SPANM Bil. 1 Tahun 2023** dan **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Bayaran** adalah seperti pada **Lampiran B, SPANM Bil. 1 Tahun 2023**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ YBhg. Dato'/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit Bulanan kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon
Encik Hazeman bin Aziz	03-5520 5333
Puan Norsuzila binti Misbah	03-5520 5270
Puan Thilagavathi a/p Bala Subramaniam	03-5520 5312

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M), CPA(M), CPFA(UK))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel : 03-55205201

E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my

Lien/Drive-SPB-Deposit-Surat Peringatan

LAMPIRAN A

**SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT
BAGI BULAN NOVEMBER 2023**

Kemaskini sehingga 15 Disember 2023

BIL	KOD PTJ	NAMA PTJ
1	26170101	INSTITUT PENILAIAN NEGARA NEGERI SELANGOR
2	31030300	JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI SELANGOR DAN WP
3	42060901	PEJABAT KESIHATAN DAERAH PETALING
4	46020501	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SELANGOR
5	50060101	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR
6	53120501	IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG SELATAN